



1100089048

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah  
Universiti Malaysia Terengganu.



LP 6 FPE 2 2009



1100089048

## Analisis kualiti buruh kesan ke atas pendapatan : kajian kes di Kuala Terengganu / Carolyne Luu.

**PUTUS PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21300 KUALA TERENGGANU**

1100089048

1100089048

Lihat Sebelah

HAK MILIK  
PUSAT PENBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NOR ZAHRAH

**ANALISIS KUALITI BURUH  
KESAN KE ATAS PENDAPATAN :  
KAJIAN KES DI KUALA TERENGGANU**

**CAROLYNE ANAK LUA  
SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**PROJEK ILMIAHINI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
PENGAJIAN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**2009**

## PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN 4399) ini adalah hasil saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh : 26 APRIL 2009

Tandatangan,



.....

Nama : CAROLYNE ANAK LUA

No.matrik : UK 13432

I hereby declare that this Paper Project (EKN 4399) is the result of my own investigation and finding, except where otherwise stated.

Date : 26 APRIL 2009

Signature,



.....

Nama : CAROLYNE ANAK LUA

No.matrik : UK 13432

## **PENGHARGAAN**

Salam sejahtera, bersyukurlah bahawa kertas projek ilmiah (EKN 4399A/B) ini telah berjaya disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia projek tahun akhir iaitu Dr. Suriyani bin Dato' Muhamad, pensyarah daripada Jabatan Ekonomi di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi di atas kesudian beliau memberi tunjuk ajar serta bimbingan yang tidak pernah kenal jemu serta komitmen yang jitu. Segala tunjuk ajar dan panduan yang diberikan oleh beliau hanya tuhan saja yang dapat membalsasnya. Terima kasih juga pensyarah-pensyarah lain dari Jabatan Ekonomi yang turut sama membantu saya dalam menyiapkan kertas projek ilmiah ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada ayah dan emak saya serta adik-beradik saya yang banyak memberi dorongan dan semangat untuk memastikan saya berjaya dalam apa sahaja yang saya ceburi. Juga kepada saudara mara dan rakan-rakan seperjuangan yang turut sama memberikan sokongan kepada saya untuk menyiapkan kertas projek ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada mereka yang telah membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kertas projek ilmiah ini.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat dalam menjayakan projek tahunan akhir ini. Jasa kalian amat dihargai. Serta semoga kertas projek ilmiah ini boleh menjadi bahan rujukan kepada pihak-pihak yang memerlukan untuk membuat kajian seterusnya.

Sekian terima kasih.

## **ABSTRAK**

Matlamat untuk melahirkan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama terus menjadi cabaran yang semakin mendapat perhatian dan penekanan di Malaysia. Pelbagai usaha yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kualiti sumber manusia di dalam negara untuk melahirkan tenaga kerja yang produktif dan berdaya saing. Ini penting bagi menjana pertumbuhan pendapatan bagi negara secara umumnya dan rakyatnya secara amnya. Namun, usaha ini tidak mungkin berjaya tanpa kerjasama dan sokongan daripada pihak swasta dan masyarakat. Dalam strategi membangunkan tenaga kerja yang efektif adalah penting untuk mengenalpasti faktor-faktor kualiti buruh yang relevan bagi mempengaruhi pendapatan. Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji faktor-faktor kualiti buruh iaitu pendidikan, kemahiran, latihan semasa bekerja dan pengalaman dan kesannya ke atas pendapatan. Data untuk kajian ini diperolehi melalui soal selidik dan perisian SPSS digunakan untuk menganalisis data yang dikumpul. Dalam kajian ini, analisis menfokus kepada dua model iaitu model regresi mudah dan model regresi berbilang. Hasil kajian menunjukkan hanya dua faktor kualiti buruh yang relevan untuk mempengaruhi pendapatan dalam kajian ini iaitu pendiidkan dan kemahiran dan secara keseluruhan wujud hubungan di antara semua faktor yang dikaji dengan pendapatan. Kajian ini juga mencadangkan beberapa langkah perlu diambil untuk memperkasakan lagi pembangunan modal insan di Malaysia.

## **ABSTRACT**

The objective to produce human capital with first-class mentality continue as one of the challenge that increasingly being emphasized by Malaysia government . Various efforts have been taken by the government to increase quality of human resource in producing productive and competitive workforce. This is important to generate country growth and society. However, this effort may not be succeed without cooperation and support from private sector and society. In developing effective human capital, workforce quality would be vital to identify the factors of labor quality that influence income. The purpose of this study is to identity the factors of labor quality namely education, skill, current training work and experience that effect on income. This study use questionnaire survey to firm, training institution and society and SPSS package was used to analyze the data. The analysis focused into two models namely easy regression model ( $t$ -test) and multiple regression model ( $F$ -test). The result of  $t$ -test have show that only two factors of labor quality that influence income that is education and skill and for  $F$ -test show that all the factors have relations with income. Generally, this study recommended several measures that need to be undertaken in strengthen develop of human capital in Malaysia.